

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L SANTIAGO  
[ KLANG ]**

**SOALAN : 128**

**Tuan Charles Anthony Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan pemegang kad pengenalan merah berumur 60 tahun ke atas yang telah mengemukakan permohonan untuk kewarganegaraan sejak tahun 2013 hingga sekarang. Berapakah daripada bilangan permohonan kewarganegaraan tersebut telah diluluskan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan rekod Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dari tahun 2013 hingga 15 Februari 2019, sebanyak 11,099 permohonan kewarganegaraan daripada individu pemegang kad pengenalan Pemastautin Tetap (MyPR) berumur 60 tahun ke atas telah diterima. Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 5,331 permohonan telah diluluskan dan dianurgerakkan kewarganegaraan Malaysia.